

AIR-X SF TABLET

Simethicone (40mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Air-X SF
2. Bagaimana Air-X SF berfungsi
3. Sebelum menggunakan Air-X SF
4. Cara menggunakan Air-X SF
5. Semasa menggunakan Air-X SF
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Air-X SF
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Air-X SF

Air-X SF digunakan untuk:

- Mengurangkan ketidakselesaan dan kesakitan berpunca daripada lebihan gas yang terperangkap dalam perut dan usus.
- Mengurangkan pembentukan buih di dalam perut untuk meningkatkan imej X-ray semasa pemeriksaan gastroskopi, endoskopi dan radiografi.

Bagaimana Air-X SF berfungsi

Simethicone merupakan agen anti-pembusa yang membolehkan penggabungan gelembung gas dan mengeluarkannya sebagai angin.

Sebelum menggunakan Air-X SF

- Bila tidak boleh menggunakan

Anda tidak boleh menggunakan Air-X SF sekiranya anda:

- Pernah mengalami reaksi alahan terhadap bahan aktif simethicone atau kandungan-kandungan yang lain dalam produk Air-X SF.
- Diketahui atau disyaki dengan perforasi pada gastrousus
- Diketahui atau disyaki dengan penghalangan usus

Bincang dengan doktor sekiranya anda tidak pasti sama ada anda patut mengambil ubat ini.

Sebelum mula menggunakan Air-X SF

Beritahu doktor sekiranya anda:

- Merupakan pesakit diabetes kerana Air-X SF mengandungi glukosa dan sukrosa.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubatan yang didapatkan tanpa preskripsi.

Sesetengah ubat boleh berinteraksi dengan Air-X SF. Anda mesti maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mengambil ubat-ubat yang berikut:

- *Phenytoin* (ubat untuk sawan)

Semasa mengandung dan menyusu bayi

Air-X SF tidak akan membahayakan wanita hamil dan ibu yang sedang menyusu kerana simethicone tidak akan diserap ke dalam badan. Walau bagaimanapun, sila beritahu doktor kalau anda sedang hamil atau menyusu bayi. Patuhi arahan yang diberikan oleh doktor.

Cara menggunakan Air-X SF

Sentiasa ambil Air-X SF sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: Ambil 40mg (1 tablet) hingga 80mg (2 tablet), 4 kali sehari selepas makan dan sebelum tidur seperti yang diperlukan. Jumlah dos harian tidak boleh melebihi 480mg (12 tablet).

Kanak-kanak (2-12 tahun): Ambil 40mg (1 tablet), 4 kali sehari selepas makan dan sebelum tidur seperti yang diperlukan. Jumlah dos harian tidak boleh melebihi 240mg (6 tablet).

Untuk mereka yang akan menjalani pemeriksaan X-ray, ambil Air-X SF 2 atau 3 hari sebelum hari pemeriksaan.

Air-X SF ialah ubat tanpa gula dan ia sesuai untuk kegunaan pesakit diabetes.

- Bila perlu digunakan

Ambil Air-X SF pada masa yang sama setiap hari. Tablet ini perlu diambil secara oral. Anda harus mengunyah tablet ini sebelum anda menelannya.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan ubat ini selagi anda diarahkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Air-X SF

- Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa ambil Air-X SF mengikut arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya pada kebelakangan ini anda ada ambil sebarang ubat, termasuk ubat tanpa preskripsi seperti suplemen atau ubat tradisional.
- Sekiranya anda akan mula mengambil ubat baru, maklumkan kepada doktor dan ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil Air-X SF.
- Dapatkan nasihat daripada doktor jika anda sedang hamil atau bercadang untuk hamil.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya kesan sampingan menjadi serius atau anda mengalami reaksi lain yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil Air-X SF tanpa kebenaran doktor anda.
- Jangan guna Air-X SF yang telah melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak dan strip ubat.

• Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai masalah kesihatan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan memandu atau mengendali mesin jika anda berasa kurang sihat. Hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Pada umumnya, kesan-kesan sampingan daripada pengambilan simethicone jarang berlaku.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan seperti berikut:

- Kembang
- Pedih hati
- Sembelit
- Cirit-birit

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya kesan sampingan menjadi serius atau anda mengalami reaksi lain yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.

Kesan-kesan sampingan lain yang tidak dinyatakan mungkin juga akan dialami oleh sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Air-X SF

- Penyimpanan

Simpan ubat ini dalam bekas kedap. Simpan di bawah 30°, jauh dari haba dan cahaya.

Jangan tinggalkan ubat anda di dalam kereta. Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Air-X SF adalah tablet bulat cembung putih dengan tanda "air-x SF" pada satu permukaan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif
Setiap tablet mengandungi 40mg simethicone.

- Bahan tidak aktif
Colloidal silicon dioxide, lactose monohydrate, mannitol, povidone, xylitol, caraway oil, fennel oil, peppermint oil, menthol, magnesium stearate, talc.

- Bungkusan

Pek 10 tablet untuk setiap papan. Setiap kotak mengandungi 100 dan 500 tablet.

- Nombor MAL
MAL07050954X

Pengilang

R.X. MANUFACTURING CO., LTD
76 Moo 10 Salaya-Bangpasi Road,
Naraphirom, Banglane, Nakornphatom,
73130 Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.
No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,
Medan Niaga Kepong,
51200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

30/08/2017

Nombor sir

NPRA(R4/1)230817/00223